



Universiti  
Putra  
Malaysia

www.upm.edu.my

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# PROGRAM TAKLIMAT PENGURUSAN PERJANJIAN DAN TABUNG AMANAH GERAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI



**Tarikh: 21 Oktober 2021 (Khamis).**


**Masa: 9.30 pagi – 11.00 pagi.**


**Tempat: Fakulti Sains (Secara Dalam Talian).**

**Penceramah: Prof. Dr. Goh Yong Meng (Timbalan Pengarah,  
Bahagian Geran Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan).**

Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Putra Malaysia

 [facebook.com/UniPutraMalaysia](https://facebook.com/UniPutraMalaysia)

 [@uputramalaysia](https://twitter.com/uputramalaysia)

 [instagram.com/uniputramalaysia](https://instagram.com/uniputramalaysia)

 [youtube.com/user/bppupm](https://youtube.com/user/bppupm)

# **PAUTAN CARTA ALIR PERJANJIAN PENYELIDIKAN DAN BORANG-BORANG PERMOHONAN PERJANJIAN PENYELIDIKAN**

Laman Web RMC (Perkhidmatan):

[https://rmc.upm.edu.my/perkhidmatan/perjanjian\\_penyelidikan/carta\\_alir-2756](https://rmc.upm.edu.my/perkhidmatan/perjanjian_penyelidikan/carta_alir-2756)

**DAN**

Borang-Borang Permohonan Berkaitan Perjanjian Penyelidikan  
pada;

<https://rmc.upm.edu.my/faildokumen> (Tajuk Perjanjian  
Penyelidikan))

# Petikan Minit Mesyuarat LPU ke-152 pada 27 April 2021

## Kelulusan Surat Cara (MoU/MoA) Yang Dimasuki Antara Universiti Dengan Pihak Ketiga

KATEGORI	KETERANGAN
KATEGORI 1 (K1)	<p><b>Memorandum Persefahaman (MoU)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengikut format Pekeliling Bil. 5 Tahun 2008, Kementerian Pengajian Tinggi; atau mengikut intipati peruntukan yang ada dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2008.</li><li>- <b>Tidak melibatkan guna tanah Universiti, parti politik, kerajaan luar negara dan komitmen kewangan secara langsung (KATEGORI 4)</b></li><li>- Ditandatangani Naib Canselor selepas mendapat kelulusan Mesyuarat JPU dan kemudiannya dibawa ke Lembaga Pengarah Universiti untuk pengesahan.</li></ul>

KATEGORI	KETERANGAN
KATEGORI 2 (K2)	<p><b>Perjanjian (MoA)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- MoA yang <b>tiada</b> timbal balas kewangan. Timbal balas kewangan tidak termasuk balasan in-kind.</li><li>- Bagaimanapun, sekiranya ada timbal balas daripada UPM hendaklah mendapatkan kelulusan seperti dalam <b>Kategori 3</b>.</li><li>- Ditandatangani Naib Canselor selepas mendapat kelulusan Mesyuarat JPU.</li><li>- Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) untuk makluman mengenai nilai/jumlah yang diterima oleh UPM dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan.</li></ul>
KATEGORI 3 (K3)	<p><b>Perjanjian (MoA)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- UPM <b>memberi sumbangan kewangan atau timbal balas kewangan</b> termasuk perbelanjaan yang menggunakan sumber kewangan Universiti.</li><li>- Sumber kewangan atau timbal balas kewangan <b>tidak termasuk balasan in-kind</b>.</li><li>- Ditandatangani Naib Canselor selepas mendapat kelulusan Mesyuarat JPU dan perakuan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK).</li><li>- Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan.</li></ul>


KATEGORI	KETERANGAN
<p>KATEGORI 4 (K4)</p>	<p><b>Memorandum Persefahaman (MoU) /Perjanjian (MoA)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melibatkan <b>guna tanah kosong dan guna tanah untuk pembangunan projek.</b></li> <li>- Ditandatangani oleh Naib Canselor selepas kelulusan Mesyuarat JPU, perakuan dan kelulusan JKTK, Jawatankuasa Pembangunan dan Aset Tanah (JKPTA) dan LPU dan apa-apa kelulusan daripada Kementerian yang berkaitan diperoleh terlebih dahulu.</li> </ul>
<p>KATEGORI 5 (K5)</p>	<p><b>Memorandum Persefahaman (MoU) /Perjanjian (MoA)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melibatkan <b>harta intelek Universiti termasuk serah hak, pelesenan dan pengkomersialan.</b></li> <li>- Ditandatangani oleh Naib Canselor selepas kelulusan Mesyuarat JPU, perakuan dan kelulusan JKTK dan LPU diperoleh terlebih dahulu.</li> </ul>
<p>KATEGORI 6 (K6)</p>	<p><b>Perjanjian (MoA)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melibatkan <b>perkhidmatan penyelenggaraan, pembekalan dan penjaanaan pendapatan; dan penyewaan ruang / bangunan.</b></li> <li>- Perlu mengikut proses perolehan kewangan Universiti, polisi Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK); dan proses penilaian oleh Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) yang menilai keperluan, keselamatan, dan tujuan penyewaan ruang (untuk MoA penyewaan ruang).</li> <li>- Boleh ditandatangani oleh Naib Canselor / Bursar / Ketua Pustakawan / Pengarah UPM Kampus Bintulu tanpa melalui mesyuarat JKTK dan LPU.</li> </ul>

KATEGORI	KETERANGAN
KATEGORI 7 (K7)	<p><b>MoA standard Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Kerja Raya</b> oleh Pejabat Pembangunan &amp; Pengurusan Aset (PPPA) untuk projek pembangunan fizikal Universiti yang telah mendapat kelulusan Universiti dan Kementerian berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Perlu melalui dan mematuhi proses sebut harga dan tender.</li><li>- Ditandatangani oleh Pengarah Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset.</li></ul>
KATEGORI 8 (K8)	<p><b>Perjanjian Kerahsian (NDA) / Surat Niat (<i>Letter of Intent</i>)/ Pertukaran Surat Menyurat (<i>Exchange Letters</i>)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- <b>Tidak melibatkan implikasi kewangan.</b></li><li>- Ditandatangani oleh Naib Canselor setelah melalui semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang tanpa perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), perakuan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK), dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).</li></ul>

# CARTA ALIR PEMBUKAAN TABUNG AMANAH PENYELIDIKAN (63XXXX)

- Surat Permohonan Pembukaan Akaun Amanah (SOK/KEW/BR042/AKN)

- Garis Panduan Permohonan Pembukaan Akaun Amanah (SOK/KEW/GP024/AKN)



## SOALAN LAZIM

### 1. Apakah perbezaan di antara Memorandum Persefahaman (MoU) Memorandum Perjanjian (MoA)?

Memorandum Persefahaman (MoU) adalah persefahaman dan pernyataan hasrat antara dua atau lebih pihak yang digariskan dalam dokumen formal dan lazimnya digunakan pada peringkat awal perundingan. MoU tidak mengikat pihak-pihak secara sah. MoU menandakan kesediaan pihak-pihak untuk meneruskan dengan perjanjian mengikat pada masa akan datang.

Memorandum Perjanjian (MoA) adalah dokumen formal yang digunakan untuk menggariskan perjanjian yang dibuat antara pihak-pihak. MoA adalah dokumen undang-undang yang mengikat dan pihak-pihak adalah bertanggungjawab terhadap komitmen mereka. MoA mempunyai terma-terma dan syarat-syarat termasuk tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab pihak-pihak, tempoh, representasi, hak dan liabiliti, indemniti dan syarat umum lain yang harus dipatuhi oleh setiap pihak di dalam MoA tersebut.



## SOALAN LAZIM

### **2. Adakah pihak-pihak perlu menandatangani perjanjian kerahsiaan (NDA) sebelum sesuatu projek penyelidikan dijalankan?**

NDA dikehendaki untuk ditandatangani sekiranya terdapat perbincangan awal dengan pihak ketiga bagi menjaga kerahsiaan maklumat semasa perbincangan / mesyuarat dan bagi melindungi pertukaran maklumat rahsia di antara pihak-pihak terlibat. NDA tersebut perlulah ditandatangani sebelum perbincangan dan pendedahan maklumat sulit dilakukan kepada pihak ketiga.

Pelaksanaan projek itu sendiri memerlukan perjanjian yang berasingan (seperti MoA penyelidikan) kerana NDA sahaja tidak cukup untuk mencakupi terma dan syarat kerja-kerja dalam penyelidikan.

## SOALAN LAZIM

### **3. Adakah semua dokumen suratcara perjanjian perlu mendapat kelulusan daripada jawatankuasa-jawatankuasa universiti sebelum boleh ditandatangani?**

Semua dokumen suratcara perjanjian hendaklah mendapat kelulusan jawatankuasa universiti (mengikut mana yang berkenaan) iaitu Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) berdasarkan kategori perjanjian sebelum boleh ditandatangani kecuali bagi NDA yang hanya memerlukan semakan dan pengesahan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang. Terdapat juga kategori suratcara perjanjian yang perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) sebelum boleh ditandatangani.

### **4. Apakah dokumen rujukan utama bagi penyelidikan dan harta intelek?**

Dokumen rujukan utama bagi penyelidikan dan harta intelek yang berkuatkuasa adalah Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Penyelidikan) 2012, Kaedah-Kaedah UPM (Perkara Penyelidikan)(Pindaan) 2012 dan Dasar UPM (Harta Intelek & Pengkomersilan Hak Harta Intelek Universiti) 2013.



**TERIMA KASIH / THANK YOU**

